

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Danial dan Hadi memberitahu kami bahawa _____ akan membantu Pak Seman membersihkan kawasan rumahnya.
A dia C kita
B kalian D mereka
2. Kedua-dua orang sahabat lama itu masih berbual _____ isu-isu semasa walaupun hari sudah larut malam.
A oleh C kepada
B dengan D mengenai

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Yuran pengajian di universiti itu masih belum saya *jelas*.
II Sungguh *jelas* wajah saya dalam gambar yang dikirimkan oleh Cikgu Aulia.
III Saya kurang *jelas* mengenai perkara itu yang sebenarnya kerana saya tiada di tempat kejadian.
IV Mereka melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa agar tindakan yang *jelas* dapat diambil.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Pihak sekolah mempunyai *hasrat* untuk menubuhkan Kelab Warisan Sejarah.
II Edlinawati menyokong *hasrat* adiknya untuk menceburi bidang perniagaan.
III *Hasrat* Abang Khairul untuk bertunang tidak dipersetujui oleh ibu dan ayah.
IV Salah satu *hasrat* pertandingan ialah peserta perlu berusia 18 tahun.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Siti dan keluarga akan balik kampung pada hujung minggu ini untuk menghadiri majlis perkahwinan saudara mereka.
A balik ke kampung pada hujung minggu
B balik ke kampung di hujung minggu
C balik kampung dalam hujung minggu
D balik kampung pada hujung minggu
6. Bermula pukul 8:00 pagi, seminar keusahawanan itu berlangsung hingga ke petang.
A langsung hingga ke petang
B berlangsung hingga petang
C diadakan sampai ke petang
D berlangsung hingga ke petang

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Buah kedondong itu emak saya petik pada pagi tadi dengan bantuan abang.
II Sesi temu duga tersebut terpaksa ditangguhkan kerana pelbagai masalah.
III Harga minyak naik daripada RM2.15 sen seliter kepada RM2.25 sen seliter.
IV Pasar raya itu menawarkan baucar bernilai RM15.00 bagi setiap pembelian RM200.00.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
8. I Sebahagian daripada pendapatannya digunakan untuk membayar sewa rumah.
II Encik Sahlan perlu mengesahkan kehadiran ke majlis itu melalui mesej pesanan ringkas.
III Kawasan tempat letak kereta Pangsapuri Ria dilengkapi kamera litar tertutup.
IV Setelah berbulan kecewa mencari kerja, akhirnya Suharman pulang ke kampung.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Kerajaan akan membantu golongan berpendapatan rendah dengan pelbagai inisiatif agar golongan ini memperoleh pendapatan yang lebih baik.
- A Golongan berpendapatan rendah akan dibantu oleh kerajaan dengan pelbagai inisiatif agar golongan ini memperoleh pendapatan yang lebih baik.
 - B Dengan pelbagai inisiatif yang disediakan, golongan berpendapatan rendah akan membantu kerajaan agar pendapatan negara akan meningkat.

- C Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif yang lebih baik untuk mereka yang berpendapatan rendah.
- D Kerajaan memperoleh pendapatan yang lebih baik dengan bantuan golongan berpendapatan rendah yang menerima pelbagai inisiatif.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Berita tentang pelibatan tokoh korporat itu dalam kegiatan jenayah tersebar dengan begitu cepat dalam kalangan masyarakat.
- Peribahasa yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di atas ialah
- A menepuk air di dulang terpercik di muka sendiri.
 - B biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.
 - C kalau tiada angin masakan pokok bergoyang.
 - D bangkai gajah tidak akan dapat ditutup dengan nyiru.